

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

**TARIKH : 21 MAC 2017
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :

- (a) Tentang kedudukan perhubungan di antara negara Malaysia dengan negara China dalam sektor pertahanan dan sektor industri dan nyatakan jenis persetujuan yang telah dicapai oleh kedua-dua negara dalam mempertahankan keamanan rantau ini; dan
- (b) Senaraikan industri-industri yang telah diceburi oleh negara China kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bersempena dengan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC), *MoU on Cooperation in the Field of Science, Technology and Industry for National Defence* telah ditandatangani pada tahun 2014. MoU tersebut dimeterai bagi mengukuhkan hubungan persahabatan antara Malaysia dan RRC serta mempromosikan industri dan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi pertahanan.

Kedua-dua negara telah memperbaharui hubungan pertahanan formal dengan menandatangani *Memorandum of Understanding between the Government of Malaysia and the Government of the People's Republic of China on Bilateral Defence Cooperation* pada 1 November 2016 (MoU 2016). Selain itu, program dan aktiviti pertahanan turut ditingkatkan melalui platform pelbagai hala melalui interaksi dan aktiviti di bawah Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus) serta penglibatan dalam forum pelbagai hala di peringkat antarabangsa.